

# SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@lth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

## Program Iqra' TH Beri Bantuan Kembali Ke Sekolah Pelajar Asnaf

**Taiping, Khamis, 24 November 2016:** Lembaga Tabung Haji (**TH**) mengagihkan zakat pendidikan berjumlah **RM150,000.00** kepada **300 orang pelajar** dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Program Iqra' 2016 Peringkat Negeri Perak, hari ini.

Para pelajar dari **15 buah sekolah menengah** terpilih di sekitar Daerah Larut Matang dan Selama menerima **sumbangan berjumlah RM500 setiap seorang**, berupa kelengkapan sekolah bernilai RM200 dan wang tunai berjumlah RM300. Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh **YB. Datuk Hajah Rosni Sohar, Ahli Lembaga Pengarah TH.**

*"Pengagihan sumbangan zakat dibawah Program Iqra' ini bertujuan membolehkan pelajar asnaf dan kurang berkemampuan membuat persediaan bagi menghadapi sesi persekolahan 2017. Sumbangan ini juga sebagai suntikan semangat dan pendorong kepada para pelajar agar lebih berdaya maju dan cemerlang dalam pelajaran, seterusnya meningkatkan taraf sosio ekonomi masing-masing,"* kata YB. Datuk Hajah Rosni Sohar.

Program Iqra' mensasarkan pelajar asnaf seluruh negara ini merupakan antara program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan oleh **TH** setiap tahun. Program yang dilaksanakan dalam bulan November ini mengagihkan zakat pendidikan berjumlah **RM2 juta** kepada **4,000 pelajar**

daripada **178 sekolah** di seluruh negara. Dengan sempurnanya majlis pada hari ini, **TH** selesai melaksanakan penyerahan sumbangan Program Iqra' 2016 di semua 14 buah negeri.

Sebagai tanda keprihatinan dan tanggungjawab sosial **TH** terhadap golongan asnaf dan kurang bernasib baik, program ini turut dilihat sebagai usaha menyokong inisiatif Kerajaan dalam membangunkan modal insan serta melestarikan komuniti Islam negara. **TH** berharap sumbangan ini dapat mendorong dan memberi motivasi kepada para pelajar untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik, sekaligus menjadi pemangkin perubahan ke arah meningkatkan taraf sosio ekonomi diri, keluarga, masyarakat dan seterusnya negara.

**TH** juga merakamkan penghargaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan, pejabat pendidikan di peringkat negeri dan daerah serta warga pendidik seluruh negara yang memberikan kerjasama dan sokongan dalam menjayakan program ini.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Tuan Haji Hisham Harun, Pengurus Besar Kanan Sumber Manusia **TH**, Tuan Haji Nawawi Ishak, Pengarah **TH** Negeri Perak, Tuan Haji Aminnudin Mohd Nor, Pegawai Pendidikan Daerah Larut Matang dan Selama, pengetua-pengetua, guru-guru sekolah terpilih serta anggota **TH**.

**-Tamat-**